



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Pemeriksaan bersepadu JPES dan SDT pastikan kepatuhan peniaga terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151

Tarikh: 15 Mei 2024

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan operasi bersepadu ke atas premis-premis perniagaan di Daerah Temburong pada baru-baru ini.
2. Operasi sepadu yang dilaksanakan secara bulanan adalah bertujuan bagi memastikan kepatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 masing-masing di bawah kawalseliaan JPES dan Unit SDT.
3. Hasil daripada operasi sepadu tersebut mendapati bahawa premis-premis perniagaan yang diperiksa di Daerah Temburong telah mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di mana barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula, tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, dan barangan yang dijual di dalam premis perniagaan telah dibubuh tanda harga dengan jelas dan betul.
4. Sementara itu, Unit SDT mendapati sebanyak satu (1) daripada lapan (8) unit alat sukat dan timbang yang digunakan bagi tujuan perdagangan, gagal mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 iaitu menggunakan alat sukatan cecair atau cecurung yang telah tamat tempoh sah penggunaan yang dibenarkan. Unit SDT telah

mengeluarkan satu (1) Notis Penyitaan ke atas Syarikat Hasnornah Enterprise Sdn Bhd dan pemilik syarikat berkenaan dikehendaki hadir ke pejabat Unit SDT mengikut tadahan alat didaftarkan dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bekerja dari tarikh Notis dikeluarkan.

5. JPES dan Unit SDT ingin mengingatkan para peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara beretika dan wajar dengan sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151. Perniagaan yang beretika dan wajar akan membantu meningkatkan keyakinan pengguna dan seterusnya merangsang pertumbuhan aktiviti perekonomian dalam negara.
6. Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut:
 - (a) Akta Kawalan Harga, Penggal 142 – Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau aplikasi PenggunaBijak
 - (b) Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 – Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi



PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

Joint-inspection between DEPS and SDT ensures business compliance with the Price Control Act, Chapter 142 and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151

Date: 15 May 2024

1. The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs with the Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division under the Ministry of Finance and Economy conducted a joint-inspection on business premises at Temburong District recently.
2. The monthly joint-inspection by DEPS and SDT is aimed at ensuring business compliance with the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations as well as the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 under the purview of DEPS and SDT respectively.
3. Following the joint-inspection, all business premises inspected in the Temburong District are found to comply with the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations where price-controlled items such as cooking oil and formulated powdered milk, are not sold above its set maximum price, and prices are clearly and accurately displayed on items offered for sale in the business premises.
4. Meanwhile, SDT found one (1) out of eight (8) units of weighing machines used for trading purposes have failed to comply with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 where the weighing machines have expired registration validity. SDT has issued one (1) Seizure Notice on Syarikat Hasnornah Enterprise Sdn Bhd and the owner of the

company is required to come to SDT office following where the machine is registered, within seven (7) working days from the date of Notice being issued.

5. DEPS and SDT would like to remind businesses to conduct ethical and fair business activities by complying with the Price Control Act, Chapter 142 and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151. Ethical and fair business will help enhance consumer confidence and stimulate the growth of domestic economic activities.
6. Any enquiries can be directed to the following official channels:
 - (a) Price Control Act, Chapter 142 – Department of Consumer Affairs, DEPS via Talian Darussalam 123 or PenggunaBijak app
 - (b) Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 – SDT, Industry and Business Ecosystem Division via email: sdt@mofe.gov.bn

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy